

UNIT 6 : MALAYSIA

6.1 : Peta Malaysia

Objektif : Murid dapat mengenalpasti kedudukan Malaysia di dalam peta.

Arahan : Baca nota di bawah.

6.1 **Peta Malaysia**

 **Kedudukan Malaysia di Asia Tenggara**

Peta Asia Tenggara


Malaysia terletak di Asia Tenggara. Malaysia terdiri daripada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kedua-dua kawasan ini dipisahkan oleh Laut China Selatan. Malaysia merangkumi 13 buah negeri dan satu Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada tiga buah wilayah, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Sumber: pmr.penerangan.gov.my.

 **JEJAK ILMU**
Kedudukan Malaysia adalah berhampiran dengan garisan Khatulistiwa. Malaysia mengalami cuaca yang panas dan lembap sepanjang tahun.



Latihan 1 :

Lengkapkan penerangan berikut mengenai Malaysia.

Malaysia terletak di _____. Malaysia terdiri daripada Semenanjung Malaysia, _____ dan _____. Kedua-dua kawasan ini dipisahkan oleh _____. Malaysia merangkumi 13 buah negeri dan satu Kerajaan _____ yang terdiri daripada tiga buah wilayah, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, _____ dan _____.

Laut China Selatan

Persekutuan

Sarawak

Sabah

Putrajaya

Labuan

Asia Tenggara

Latihan 2 :

Susun bendera 3 negara di bawah mengikut kedudukan peta yang betul.

